



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 JULAI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	JPV PAHANG KELUAR 621 PERMIT PENYEMBELIHAN KORBAN, NEGERI SELANGOR, PAHANG, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	DUA NELAYAN DITAHAN MILIKI BUBU NAGA, NEGERI TERENGGANU, KELANTAN, PERAK, SH -28 NO NEED FOR CHICKEN PRICE HIKE, NEWS WITHOUT BORDER, THE SUN -2 ACADEMY FOR FARMING OPENS IN BENTONG, EVENTS, STARMETRO -12 LAGI LANGGAR PROTOKOL HALAL, DALAM NEGERI, UM -4 TAK PUAS HATI SAYUR MAHAL, LOKAL, HM -12 AGIHAN DAGING KORBAN RAI KEBERKATAN AIDILADHA, NASIONAL, BH - 9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR, PAHANG	23

## JPV Pahang keluar 621 permit penyembelihan korban

**KUANTAN** - Sebanyak 3,796 ekor lembu, kerbau, kambing dan kambing biri-biri telah disembelih untuk ibadah korban pada sambutan Aidiladha pada Ahad di seluruh Pahang.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang, Dr Kamaliah Ghazali berkata 621 permit sembelihan haiwan ternakan untuk ibadah itu telah dikeluarkan oleh pihaknya.

Menurutnya, permit dikeluarkan kepada individu, surau dan masjid, jumlah haiwan yang akan dikorbankan pada Aidiladha kali ini bertambah berbanding sebelum ini.

"Daerah Kuantan mencatatkan haiwan ternakan terbanyak yang dikorbankan iaitu sebanyak 1,075 ekor, diikuti daerah lain membabitkan antara 32 hingga 447 ekor.

"Hampir 87 peratus haiwan yang di-

korbankan membabitkan ternakan lembu baka Kedah Kelantan (KK) dan selebihnya kerbau, kambing dan kambing biri-biri," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau menambah, pegawai JPV sentiasa melakukan pemeriksaan di lokasi sembelihan bagi memastikan pihak yang melakukan ibadah korban memiliki permit sembelihan seterusnya mematuhi syarat ditetapkan.

Jelasnya, tindakan undang-undang boleh dikenakan pada pihak melakukan sembelihan tanpa permit dikeluarkan JPV.

"Kita sebenarnya ingin ini memastikan haiwan yang akan disembelih berada dalam keadaan baik dan bebas penyakit.

"Jadi kita minta pihak yang melakukan ibadah korban diingatkan supaya sentiasa menjaga keselamatan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku," ujarnya.



JPV Pahang mengeluarkan 621 permit sembelihan haiwan ternakan untuk ibadah korban.

## Dua nelayan ditahan miliki bubu naga

**PARIT BUNTAR** - Dua nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selepas dikesan dalam keadaan mencurigakan di kedudukan 1.6 batu nautika barat daya Pulau Sangga Besar di sini, Sabtu lalu.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd Sharenilza Ghazali berkata, lelaki berusia 51 dan 53 tahun itu ditahan bersama 35 set bubu naga bernilai RM3,150.

"Pemeriksaan mendapati bot berkenaan mempunyai dokumen vesel yang sah, namun memiliki 35 set bubu naga yang disyaki digunakan sebagai alat me-



Bot nelayan yang dikendalikan dua krew ditahan selepas didapati memiliki bubu naga yang menyalahi undang-undang.

nangkap ikan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, nelayan tersebut ditahan, manakala bot dan alat tangkapan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985 kerana memiliki peralatan menangkap ikan yang tidak dibenarkan.

"Penggunaan bubu naga bukan sahaja menyalahi undang-undang bahkan menjejaskan ekosistem laut dan sumber pendapatan nelayan tradisional pesisir pantai," katanya.

■ BY SURAYA ALI

[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALINGJAYA:** A Kelantan trader has said he can sell chicken below the ceiling price of RM9.40 per kg. If his claims are true, the question then is why others cannot do the same?

Zukla Deraman, 44, said he buys his stock at between RM5.60 and RM6.30 per kg.

"The difference is I buy my stock live. After processing, the cost per chicken becomes RM6.50 to RM7 per kg. Even if I sell below RM8 per kg, I can still make a profit," he told *theSun*.

Zukla, who is also known as Jukee Ayam, said he sells about 10,000 chickens per day from his stalls throughout Kelantan. With the government's ceiling price for chicken set at RM9.40 per kg, the price for a whole chicken comes to between RM13.50 and RM18.80, a difference of RM5 to RM10 compared with Zukla's prices.

A video of Zukla has been widely viewed online after some of his customers shared that he was selling chicken at RM6.90 per kg. However, the price later went up to RM7.50 as larger chickens were offered.

He claims the price of live chicken from farmers has not changed and is stable at RM5.80 per kg.

"The middlemen are the ones responsible for price increases. Consumers must play their role to buy only from sellers who offer reasonable prices. Do not give in to their demands for a higher price," he said.

Checks at the Chow Kit wet market in Kuala Lumpur showed whole chicken and live ones being sold at RM9.40 per kg.

A chicken seller who only wanted to be

# 'No need for chicken price hike'

► Possible to turn profit selling below ceiling amount as farm prices of stock have not changed, says trader

known as Azri said the price was the same for live or processed chicken at the wet market.

"I don't know where the seller from Kelantan gets his supply, but here we sell our chicken at the government recommended price," he said.

Chickens sold at the Chow Kit market are between 1.7kg and 2.2kg each, bringing the price to between RM16 and RM21 per chicken. Azri said he usually sells between 40 and 50 chickens per day but had only sold an average of 12 per day over the last few days.

"Customers go to wholesalers, maybe because the price is cheaper there," he said, adding that he would continue buying from his usual supplier because he believes the problem is seasonal.

"I have been selling chicken for more than 20 years. Prices usually go up near the holiday season and would stabilise after a week or so."

Azri said the current problems with supply

may also have led to consumers not buying chicken from wet markets.

"They buy all their needs here except for chicken. They probably go to wholesalers or supermarkets."

Consumer Aishah Hamdan, 43, said she went to the Chow Kit wet market to buy supplies for Hari Raya Aidiladha.

"I like shopping here although some items have increased in price. But mostly, the items are affordable. I don't buy chicken here as I prefer to get it from the supermarkets as it is far cheaper there."

She said she noticed price increases in other items such as coconut paste, coconut leaves (daun ketupat) and red chillies.

"Most of the price increases are bearable, but it is difficult to buy cooking oil these days as the supermarket limits it to two bottles per family, and there is none available here at the wet market," she said.

# Academy for farming opens in Bentong

Foundation aims to promote sustainable food production through new venture

A FARMING academy in Bentong, Pahang, wants to encourage Malaysians to adopt sustainable food production.

Dignity for Children Foundation co-founder Elisha Satvinder said the Dignity Farm Academy was envisioned as an integrated learning community where people could combine practical skills and theory in a farm setting.

"There is more awareness now on the importance of sustainable food production," Elisha said, adding that education is more than just classroom based.

Co-founder Petrina Satvinder said the team believed that agroforestry, namely working with nature to produce food, was the key to sustainability.

"By combining agriculture and the forest, we can learn to respect and work with nature to produce food while preserving our surroundings.

"We want to convey the message that self-sufficient living can be part and parcel

of our daily lives.

"More importantly, our youths can partner with local communities, particularly the Orang Asli, to learn from them and adopt some of their eco-friendly practices.

"The local communities too can be empowered through the sharing of knowledge, technology and experiences," Petrina said in a statement.

Among the programmes available at the academy are educational farm tours, youth seminars, accelerated character education and vocational development courses as well as skate camps.

The skate camps are made possible through collaboration with skateboard company Vans, which invested in Malaysia's first granite skatepark at the farm.

Launched on July 2, skateboarders can utilise the skatepark for a fee on weekends, which gives them a safe environment to



Dignity Farm Academy in Bentong, Pahang, is envisioned by its founders as an integrated learning community.

practise and hone their skills.

The academy has a diverse range of vegetables and herbs such as spinach, yam, ginger, carrots and *pegaga* as well as fruits such as papaya, banana, rambutan and durian.

Poultry such as chicken and ducks are reared here too.

The academy is also open for "Weekends in Bentong" eco-getaways.

Monies earned from farming and educational programmes will be channelled back for education and sustainable farming at the school, said the statement.

In addition to fundraising for items such as building materials, beds, fruit trees, industrial wood chipper, woodwork tools, composting equipment and industrial kitchen equipment, Dignity is also looking for volunteers who can share their experience and skills.



A granite skatepark has also been built at the farm academy.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

## Lagi langgar protokol halal

Dari muka 1

Dalam temu bual melalui persidangan video bersama Utusan Malaysia baru-baru ini, Osama mendedahkan, pihak penyelia dan pengurusan syarikat langsung tidak mengendahkan pemeriksaan kepala haiwan dilaksanakan dengan teliti sebelum mengesahkan kerja-kerja penyembelihan dilakukan mematuhi prosedur halal.


Osama memberitahu, situasi itu sering terjadi dalam tempoh beberapa tahun dia bekerja di situ walaupun kerap kali masalah berkenaan diajukan kepada pihak pengurusan termasuk wakil penyelia halal AHDA.

"Kaedah menembak tekanan pelalian yang digunakan juga boleh mengakibatkan kematian serta-merta sebelum haiwan disembelih. Ia sepatutnya perlu selaras dengan keperluan pematuhan syariah. Jika ada antara haiwan tidak melepasi piawaian apabila tempurung kepala didapati pecah, ia dilabelkan sebagai tidak halal.

"Namun, kerap kali tag tidak halal ditanggalkan dari haiwan yang telah dilabelkan haram. Ia ditanggalkan secara rahsia tanpa memaklumkan kepada kami sebagai penyembelih dan pemeriksa halal. Tindakan tidak bertanggungjawab ini pernah diadukan kepada pihak syarikat dan wakil AHDA tetapi malangnya tiada tindakan sewajarnya diambil," katanya baru-baru ini.

Menurut Osama, rumah sembelihan itu mengekspor 70 peratus produk daging mereka ke Indonesia dan Singapura selain beberapa negara Islam lain kerana AHDA mendapat pengiktirafan Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Pada masa sama, dia turut memberitahu, AHDA dalam



**KEADAAN** tempurung kepala haiwan yang pecah akibat kaedah menembak pelalian tekanan menunjukkan haiwan itu mati sebelum disembelih dan haram dimakan. (gambar dalam bulatan: pemutar skru menunjukkan kedalaman tempurung pecah).

proses mahu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk membenarkan produk daging dari semua rumah sembelihan di bawah penyeliaan mereka turut boleh memasuki pasaran Malaysia.

Sebelum bertindak meletak jawatan baru-baru ini, Osama berkata, pekerja juga tidak ada peluang untuk menyemak di bahagian tempat simpanan daging

seperti peti sejuk (chiller) atau rak pembungkusan.

Dia memberitahu, ada antara produk babi turut disimpan dalam tempat simpanan yang sama tanpa pengasingan sekali gus boleh menyebabkan berlaku jangkitan silang antara haiwan haram dan halal dan jelas melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) penyembelihan halal.

Lebih mendukacitakan, terdapat seorang penyembelih halal

yang menjadi 'keldai tunggan' ditugaskan untuk meluluskan setiap produk walaupun jelas sekali ia tidak melepasi piawaian halal.

"Saya pernah membuat aduan, menulis dan bercakap dengan pengurus AHDA tentang salah laku penyembelih itu, mereka kemudiannya mengambil tindakan membatalkan kad identiti halalnya.

"Namun, tidak lama selepas itu, penyembelih itu diambil bekerja semula. Pernah berlaku dia dan seorang lagi penyembelih menembak terus haiwan tersebut ketika haiwan itu masih bergerak (hidup) bagi tujuan untuk memamatkan haiwan itu," katanya.

Mengulas lanjut, Osama berkata, tandatangan inspektor sembelihan halal yang kebiasaannya dalam kalangan penyembelih termasuk tandatangannya sendiri turut disalahgunakan apabila mereka menggunakan tandatangan elektronik secara salin dan tampal bagi dokumen halal seperti sijil interim atau eksport tanpa membuat semakan.

Pihak pengurusan syarikat turut melantik seorang kerani logistik sepenuh masa untuk menandatangani semua dokumen, walaupun dia tidak tahu apa-apa aktiviti penyembelihan di tempat operasi sama ada melepasi pematuhan sistem jaminan halal sebenar atau tidak.

Katanya, walaupun AHDA mengetahui perkara ini selepas beberapa kali dibangkitkan, ia seolah-olah memejamkan mata demi membantu syarikat menjimatkan masa dan wang daripada melakukan pemeriksaan halal sebenar.

"Setiap hari kira-kira 400 hingga 650 ekor lembu disembelih, namun, terdapat sekurang-kurangnya 50 ekor tidak lulus piawaian

halal. Bagaimanapun, mereka akan cuba 'menghalalkan' haiwan itu dan hanya mengiktiraf maksimum 15 ekor dilabel tidak halal.

"AHDA hanya datang ke rumah sembelihan ini sekali selepas saya mengadu ketidakpatuhan halal dan hasilnya tidak ada, hanya mengadakan mesyuarat dan surat-menyurat. AHDA datang ke tapak operasi hanya setiap tiga bulan untuk audit 'mesra', ujaninya.

Selain itu, dia memberitahu, pengurusan syarikat rumah sembelihan itu tidak memberikan ruang waktu sewajarnya kepada penyembelih untuk solat ketika waktu bekerja termasuk untuk solat Jumaat.

Sedangkan, solat merupakan perkara utama yang perlu diti-tikberatkan sebagai penyembelih muslim kerana menjaga solat adalah syarat sah utama dalam memastikan haiwan yang disembelih tidak diragui.

"Selepas saya meninggalkan syarikat itu (meletak jawatan kerana tiada ruang waktu solat, ketelusan, pelanggaran SOP pengasingan halal, tiada sistem jaminan halal yang berkesan diwujudkan), perkara itu masih berlaku dan hampir tidak ada pengawasan dilakukan.

"Saya menghantar emel dan khidmat pesanan ringkas (sms), tiada maklum balas positif atau tindakan pembetulan, malangnya, tiada jaminan bahawa semua daging yang diekspor dari rumah sembelihan ini semuanya halal.

"Pendedahan ini sebagai pengajaran supaya Jakim tidak mempertimbangkan kelulusan kepada AHDA demi kebaikan umat Islam di Malaysia," katanya.

Utusan Malaysia cuba menghubungi pihak AHDA berhubung isu ini menerusi e-mel, namun tiada maklum balas diterima setakat ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	6



HARGA sayur-sayuran dijangka kembali stabil selepas sambutan Hari Raya Aidiladha.

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**“H**arga sayur-sayuran sememangnya naik lebih 20 peratus ketika raya (Aidiladha) ini. Namun selalunya harga akan turun selepas hari raya,” ujar peniaga sayur, Nor Suhaili Suhaimi, 48.

Menurutnya, cili kampung dan timun antara sayuran yang mengalami kenaikan harga lebih 30 peratus sejak dua minggu lalu.

Nor Suhaili berkata, ramai pelanggan tidak berpuas hati kerana peniaga menjual sayuran pada harga mahal.

“Namun peniaga tiada pilihan kerana harga diterima (dari pembekal) juga mahal.

“Cili kampung dijual pada harga RM28 hingga RM30 sekilogram (kg) berbanding RM24 sekilogram sebelum

# Tak puas hati sayur mahal

*Peniaga tiada pilihan harga diterima dari pembekal tinggi*

ini. Antara yang paling terkesan adalah mereka yang berniaga kerana membeli dengan jumlah yang banyak.

“Pelanggan yang beli sedikit (RM2 ke RM3) selalunya tidak terasa dengan kenaikan harga ini. Tetapi peniaga akan mengeluh. Mereka sangka kami sengaja menaikkan harga untuk untung lebih.

“Namun, ada juga pelanggan yang memahami situasi dan nasib kami sebagai peniaga kecil berikutan harga tidak menentu ditetapkan pembekal,” katanya.

Menurutnya, cili besar merah paling mendapat permintaan pelanggan dan harganya pula mengikut gred iaitu RM22 sekilogram bagi cili Kulai A dan cili merah import RM12 ke RM14 sekilogram.

Sementara itu peniaga sayur yang mahu dikenali sebagai Erin berkata, harga tomato dan timun melonjak kepada RM7 sekilogram berbanding RM3.50 sekilogram sebelum ini.

“Harga salad dan halia juga melonjak naik berikutan ia diimport masuk ke negara ini. Namun harga untuk lo-

bak merah, kangkung masih kekal antara RM2 dan RM3 sekilogram manakala sawi RM6 dan bayam RM4.50 sekilogram.

Tinjauan wartawan Harian Metro di Pasar Seri Kembangan di sini, semalam, mendapati peniaga rata-rata mendakwa harga sayur terpaksa dinaikkan berikutan penetapan harga tinggi oleh pembekal.

Selain itu harga buah-buahan juga didapati meningkat antara 20 ke 30 peratus terutama buah epal, mangga, cempedak.

Peniaga, Zulhafri Zaidi, 39 berkata harga buah-buahan ketika ini bergantung kepada musim dan pembekal dari Thailand.

# Agihan daging korban rai keberkatan Aidiladha

**Masjid Tanah:** Bukan mudah untuk mengendalikan penyembelihan dan pengagihan daging membabitkan 23 lembu, kerbau dan lima kambing korban pada satu-satu masa jika tidak mempunyai kesabaran yang tinggi.

Mula menyembelih jam 6.30 pagi, berakhir lima jam kemudian menuntut keredaan pada diri kira-kira 30 anak kariah Masjid Al-Ehsan, Kampung Londang, Melaka bagi melaksanakan ibadah itu.

Pengerusi masjid berkenaan, Datuk Abdul Mutallif Che Mat, berkata haiwan korban itu disumbangkan anak kariah secara individu dan berkelompok kepada pemberikan kepercayaan kepada petugas khas yang dibenut pihak masjid.

"Tanpa kesabaran, keredaan dalam diri pasukan petugas tidak mungkin haiwan ini mampu dikorbankan mengikat waktu ditetapkan kerana kami tidak mahu anak kariah menunggu lama

Pada program anjuran MAIK itu, Sultan Muhammad V berkenan menyembelih dua lembu, termasuk seekor lembu bakla Charolais seberat satu tan.

Baginda meluahkan masa hampir 45 minit bersama 300 petugas sebelum berangkat pulang jam 11.25 pagi.

Sebanyak 45 lembu dikorbankan semalam dan semua daging korban diagihkan kepada 2,800 fakir miskin di seluruh daerah Kota Bharu.

Di Seremban, sebanyak 2,435 haiwan ternakan disembelih sempena Aidiladha di Negeri Sembilan tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bakri Sa-  
wir, berkata ia membabitkan 2,215 lembu, kambing (119) dan kerbau (101).

"Sebanyak 553 permohonan korban diterima dan diluluskan Jabatan Hai Eihwal Agama Islam Negeri Sembilan melalui sistem

e-Qurb@NS yang dibuka pada 13 hingga 3 Julai lalu," katanya.

Di Georgetown, syarikat pe-  
maju hartanah, pengurusan aset, fasiliti dan perhotelan, UDA Holdings Bhd (UDA) menyumbangkan 72 lembu menerusi program tanggungjawab sosial korporat UDA Cares untuk Program Korban Perdana UDA 2022 di seluruh negara sempena Aidiladha.

Pengerusi UDA, Datuk Norhiza Abdul Rahim, berkata program dilaksanakan menerusi kumpulan syarikat UDA itu menyumbangkan lembu kepada surau dan masjid terpilih di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Pahang dan Terengganu.

"Program korban ini antara inisiatif UDA meraikan keberkatan Aidiladha dan menzahirkan rasa syukur atas kelancaran serta prestasi baik permulaan serpanjang tahun lalu walaupun berhadapan dengan cabaran COVID-19," katanya.



Sultan Muhammad V (dua dari kiri) berkenan menyempurnakan penyembelihan lembu pada Program Majlis Korban Jama'ie MAIK di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

ing," katanya.

Di Kota Bharu, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berkenan menyembelih dua lembu sempena Program Majlis Korban Jama'ie Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) 1443H/2022M.

untuk mendapatkan daging.

"Tahun lalu 28 lembu dikorbankan dan tahun ini berkurangan kepada 23 (lembu), seekor kerbau dan lima kambing, namun ia sudah cukup untuk memastikan lebih 3,000 anak kariah menikmati daging masing-ma-